

NIAT MEMBAYAR ZAKAT PENDAPATAN DALAM KALANGAN AHLI AKADEMIK¹

Caturida Meiwanto Doktoralina²

The Centre for Islamic Development Studies (ISDEV) 11800 Minden, Penang
Email: chess302@gmail.com, cmd13_soc004pstudent.usm.my

ABSTRAK

Niat merupakan elemen awal seseorang dalam melakukan tindakan. Perkara ini menjadikan niat sebagai asas penerapan praktikal yang menyokong kegiatan pembayaran zakat. Niat pembayaran zakat juga banyak dipengaruhi oleh pembolehubah lain terutamanya dalam perolehan pendapatan. Niat membayar zakat pendapatan dalam ahli akademik Indonesia masih menjadi isu menarik yang boleh dilakukan kajian. Masih banyak Individu Muslim belum melakukan kewajipan membayar zakat pendapatan seperti yang telah termaktub oleh Peraturan Pemerintah (PP) dalam Pelaksanaan Undang-Undang (UU) No. 23 tahun 2014 mengenai pengelolaan zakat. Oleh itu, niat dalam membayar zakat haruslah mencapai matlamat mendapat keredaan Allah SWT. Isu yang berlaku adalah *pertama*, apakah niat pembayaran zakat dalam universiti telah difahami prosesnya oleh pihak berkepentingan Universiti. *Kedua*, apakah faktor niat pembayaran zakat ini mempengaruhi pelaksanaan kutipannya oleh pihak pengurusan zakat (OPZ) Universiti. Berdasarkan kepada isu tersebut, kertas kerja ini ditulis untuk mencapai dua objektif kajian. Pertama untuk membentuk kerangka konseptual niat pembayaran zakat ahli akademik bersesuaian dengan ketentuan Islam. Kedua, mengenal pasti konsep-konsep secara umum niat ahli akademik dalam membayar Zakat. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan melalui kajian dokumentasi. Hasilnya, kajian ini akan memberi dapatan kajian dalam membentuk kerangka konseptual niat pembayaran zakat ahli akademik dalam universiti dan bentuk kepastian niat ahli akademik kepada OPZ rasmi sehingga boleh memberi manfaat kepada semua pihak. Makalah ini memberi gambaran niat ahli akademik dalam pembayaran zakat pendapatan dalam Universiti. Konsep kajian yang diperolehnya, pemboleh ubah yang mempengaruhi niat adalah keinginan menderma secara kepatuhan teknikal dan kepatuhan pentadbiran. Adapun kesan niat pembayaran zakat *muzzaki* dipengaruhi oleh apakah OPZ mengagihkan zakat sesuai keinginannya. Kajian ini, memberi kemudahan kepada pihak kerajaan untuk bersama-sama mendedahkan potensi zakat yang sebenar kepada masyarakat.

Kata Kunci: Ahli Akademik, *Niat, Pembayaran, Pendapatan dan Zakat.*

1 Kertas kerja ini dibentangkan di Isdev International Graduate Workshop yang ke-12 (INGRAW-12), anjuran Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV)), pada 12-13th Disember 2017, di Universiti Sains Malaysia (USM), Malaysia.

2 Caturida Meiwanto Doktoralina Bin Marzuki Hapeni Musi ialah terdaftar sebagai pensyarah Fakulti Ekonomi dan Bisnis, Program Perakaunan di Universitas Mercu Buana-Jakarta. Talipon: +62-878-0806-7428

1. PENGENALAN

Zakat sebagai rukun kelima dalam agama Islam merupakan sebahagian ibadah yang diperlukan Muslim (Mohd Rahim, Khamis, Mohd., Arifin Md & Abdol Samad, 2014). Zakat mempunyai peranan penting dalam Islam sejak zaman Nabi Muhammad SAW yang disebutkan dalam 17 Surah dan 32 Ayat dalam al-Quran. Menurut perundangan Islam, individu berpendapatan tinggi perlu membayar zakat untuk menyucikan jiwa dan harta mereka. Wang yang dikutip daripada pembayaran zakat adalah untuk diagihkan kepada saudara-saudara Islam yang kurang bernasib baik yang lain iaitu untuk golongan miskin dan yang memerlukan, untuk mereka yang bekerja mengatur dana, bagi orang-orang yang hatinya dijinakkan (baru-baru ini) didamaikan (kepada kebenaran), bagi mereka yang hamba dan dalam hutang (Fahme, Ali, Ridhwan & Aziz, 2014). Dari sudut pandangan ekonomi Islam, membayar zakat tidak dianggap sebagai beban tetapi tanggungjawab kepada individu Islam yang kurang bernasib baik yang lain. Oleh itu, kedua-dua aspek spiritual dan aspek material mereka yang berpendapatan tinggi dan yang berpendapatan rendah dijangka akan ditingkatkan dengan memenuhi dengan kewajipan zakat (Mohd Noor, Wahid, & Nor Ghani Md., 2004).

Literatur telah mengenal pasti zakat sebagai sumber penting untuk pembangunan sosio-ekonomi negara sebagaimana Khamis et al., (2014) yang menyarankan penyaluran dana zakat dapat membantu menghasilkan aktiviti ekonomi negara, menyumbang kepada keselamatan sosial, dan membantu merapatkan jurang antara mereka yang berada dengan mereka yang tidak berada. Seterusnya, Bidin, Idris, Shamsudin, Mohd, & Faridahwati, (2009) menyarankan bahawa pembangunan kemerdekaan ekonomi negara dan masyarakat dapat dilaksanakan secara aktif jika wang zakat dapat diuruskan secara efektif. Ia juga turut menegaskan, sumber zakat dalam konteks yang boleh menyumbang ke arah ini adalah zakat terhadap pendapatan penggajian (Khamis et al., 2014). Adapun menurut N. B. Abu Bakar & Abdul Rashid, (2010), zakat pendapatan merupakan sedekah yang dikenakan terhadap pendapatan individu Muslim yang diperoleh daripada berbagai sumber atau aktiviti-aktiviti perseorangan Muslim yang terlibat. Zakat pendapatan penggajian menyumbang peratusan tertinggi dalam kutipan zakat keseluruhan (Bidin et al., 2009; Wahid, Noor, & Ahmad, 2005). Walaupun demikian, zakat terhadap pendapatan pekerjaan masih menjadi isu di Indonesia. Ini adalah selaras dengan Khamis et al., (2014), yang menyarankan individu Muslim kebanyakannya memberi perhatian yang serius kepada kewajipan untuk membayar zakat fitrah tetapi tidak mengenai membayar zakat pendapatan.

Penyelidikan di Indonesia, khusus berkaitan dengan zakat pendapatan pekerjaan di Indonesia menjadi menarik. Kerana Indonesia adalah sebuah negara yang mempunyai penduduk Islam terbesar di dunia (Lessy, 2009) 230 juta orang atau 87.2% dari 262 juta orang penduduk pada tahun 2017 (World Muslim Population, 2017; Sari, Bahari, & Hamat, 2013). Daripada bilangan penduduk Islam ini, kira-kira 112 juta orang dikategorikan sebagai wajib zakat. Ini bermakna pembayaran zakat perlu diuruskan secara lebih efektif bagi meningkatkan peranannya untuk mengurangkan kemiskinan dan mendorong kesejahteraan sosial. Data zakat, infak, dan sedekah (ZIS) di Indonesia menunjukkan bahawa terdapat kenaikan zakat dari tahun 2002 hingga 2015. (sebagaimana Jadual 1).

Jadual 1

Jumlah Kutipan Zakat, Infaq, Sedekah (ZIS) (Tahun 2002-2015)

Year	IDR (Million)	USD (Million)	Growth (%)	Growth GDP (%)
2002	68.39	4.98	-	3.7
2003	85.28	6.21	24.70	4.1
2004	150.09	10.92	76.00	5.1
2005	295.52	21.51	96.90	5.7
2006	373.17	27.16	26.28	5.5
2007	740	53.86	98.30	6.3
2008	920	66.96	24.32	6.2
2009	1200	87.34	30.43	4.9
2010	1500	109.17	25.00	6.1
2011	1729	125.84	15.30	6.5
2012	2200	160.12	27.24	6.23
2013	2700	196.51	22.73	5.78
2014	3300	240.17	22.22	5.02
2015	3700	269.29	21.21	4.79

Note : 1 USD = IDR 13.740; Sumber: Badan Amil Zakat Nasional (2016)

Jadual 1, kutipan zakat di Indonesia telah memberikan sumbangan pertumbuhan GDP sebesar 4.79%. Namun, data ini menunjukkan umat Islam dalam Indonesia yang majoriti Muslim masih enggan membayar zakat atau disebabkan oleh beberapa faktor yang mempengaruhi kepatuhan membayar zakat pendapatan (Doktoralina, 2016a, 2016b). Sebagaimana Kahf, (2008) menyatakan bahawa bilangan potensi zakat di negara-negara anggota OIC berada di antara 1.8 – 4.3 peratus daripada jumlah *Gross National Product* (GNP). Jika potensi zakat ini dikalikan dengan GNP harga berlaku tahun 2010 dari negara-negara anggota Organization of Islamic Conference (OIC), maka potensi zakat dunia mencapai USD 600 juta (Beik, 2015). Oleh itu, pembayaran zakat di Indonesia adalah satu topik yang menarik untuk ditelusuri kembali (Siswantoro & Nurhayati, 2012) termasuk Niat pembayaran zakat dalam kalangan ahli akademik.

Terdapat banyak penyelidikan mengenai isu zakat seperti penyelidikan PIRAC³ (2007), PEBS FE-UI⁴ (2010), UIN5 Syarif Hidayatullah (2011), Firdaus, Beik, Irawan, & Juanda, (2012) dan BAZNAS⁶ (2015) yang terus mengalami peningkatan. Namun, masih wujud

3 PIRAC adalah singkatan kepada *Public Interest Research and Advocacy Public* iaitu organisasi sumber bebas yang menyediakan perkhidmatan dalam bentuk penyelidikan, latihan, advokasi dan penyebaran maklumat dalam bidang kedermawanan dan penguatan organisasi masyarakat madani di Indonesia dengan bantuan pendanaan dari lembaga donor, sumbangan masyarakat dan pekerjaan sendiri

4 PEBS FEB-UI iaitu Pusat Ekonomi dan Bisnis Syariah Fakultas Ekonomi dan Bisnis Universiti Indonesia

5 UIN adalah singkatan kepada Universiti Islam Negeri

6 BAZNAS iaitu BAZNAS adalah singkatan kepada Badan Amil Zakat Infaq dan Shadaqoh Nasional. Sedangkan FEM IPB adalah Fakulti Ekonomi dan Manajemen Institut Pertanian Bogor

ketidak selarian potensi zakat dengan kutipan zakat di Indonesia berdasarkan kepada hasil kajian lapangan. Masih terdapat perbezaan yang cukup tinggi antara potensi zakat dengan kutipan dana zakat sebenar. Sebagaimana data kutipan zakat, infak dan sedekah nasional oleh OPZ pada tahun 2015 mencapai RM ±12 juta (USD 269) atau kurang dari 1.3 peratus dari potensi (Badan Amil Zakat Nasional, 2017). Berdasarkan kepada perkara tersebut, penyelidikan ini adalah sangat penting, kerana peranan zakat kurang mendapat perhatian dalam kalangan Muslim terutamanya zakat pendapatan (Doktoralina, 2016a, 2016b) yang masih memiliki lompong, terutamanya dalam kalangan ahli akademik di Indonesia setelah ditetapkannya Peraturan Pemerintah Republik Indonesia Nombor 14, 2014 berkaitan Zakat. Oleh itu, isu yang berlaku apakah niat pembayaran zakat ahli akademik yang ada dalam universiti telah difahami prosesnya oleh pihak yang berkepentingan Universiti. Selain itu, apakah faktor niat pembayaran zakat ini mempengaruhi pelaksanaan kutipannya oleh pihak pengurusan zakat (OPZ) Universiti untuk membentuk kerangka konseptual niat pembayaran zakat ahli akademik bersesuaian dengan ketentuan Islam. Kedua, mengenal pasti konsep-konsep secara umum niat ahli akademik dalam membayar zakat. Sehingga sub topik perbincangan tahap pengetahuan pensyarah mengenai zakat, tahap pendapatan pensyarah dan hal-hal yang mempengaruhi niat pembayaran zakat.

2. KAJIAN LEPAS DAN SOROTAN KARYA

2.1 Zakat Pendapatan Pekerjaan

Islam mewajibkan setiap Muslim sama ada lelaki dan wanita yang mempunyai had kekayaan tertentu untuk membayar zakat setiap tahunnya sesuai dengan ketetapan. Secara harfiah, perkataan zakat bermakna pembersihan dan pertumbuhan. Pembersihan dapat ditafsirkan sebagai satu cara untuk membersihkan jiwa dan harta dengan membayar zakat daripada sifat mementingkan diri dan tamak (Hussain & Abdullah, 2015). Pertumbuhan ini bermakna waris zakat dapat menggunakan dana zakat yang mereka terima dalam aktiviti yang produktif untuk menghasilkan pendapatan yang lebih (Aziz, Jamil, Ismail, & Abdul Rahman, 2013).

Perspektif perundangan Islam, zakat dapat dirujuk sebagai bilangan kekayaan yang Allah SWT wajibkan untuk membayar kepada orang yang layak. Sementara itu, menurut perspektif perundangan, zakat difahami sebagai jumlah wang/barang yang diambil dari jenis kekayaan tertentu bagi mereka yang mencapai bilangan tertentu pada masa tertentu yang perlu dibelanjakan untuk kategori tertentu dengan cara tertentu (Aziz et al., 2013). Pentingnya zakat telah ditetapkan dalam Al-Quran. Dalam usaha untuk menunjukkan pentingnya zakat, Allah SWT menyebut perkataan zakat 58 kali dalam Al-Quran. Dalam pengertian ini, perkataan zakat disebut 32 kali dan 26 kali bersama-sama dengan solat. Meletakkan perkataan zakat berdampingan dengan perintah solat bermakna bahawa Islam sama-sama memberi penekanan kepada kedua-dua pembangunan dunia dan akhirat (M. Abu Bakar & Abd Ghani, 2011).

Pembayaran zakat dapat dilihat sebagai simbol keadilan ekonomi Islam yang memastikan penyaluran kekayaan yang sama rata dan dapat dipercayai (M. Abu Bakar & Abd Ghani, 2011). Sehubungan itu, Aziz et al., (2013) menjelaskan zakat dapat memenuhi empat objektif utama sosio-ekonomi iaitu mengurangi kemiskinan dan mempertahankan keadilan

sosio-ekonomi, memelihara orang daripada iri hati, pembersihan kekayaan pembayar zakat dan menghapuskan sifat kikir, mendidik umat Islam menjadi dermawan (Yusuf Qardawi, 2011) dan perantara iman atas nikmat Allah SWT. Cendekiawan Islam bersetuju bahawa terdapat lapan asnaf kategori yang didefinisikan Al-Quran sebagai orang yang layak menerima zakat iaitu orang miskin, Ibnu sabil, amil zakat, Muslim baru (muallaf), mereka yang membebaskan diri mereka daripada hamba, orang berhutang, dan ibnu sabil.

Literatur menyarankan bahawa kekayaan yang dimiliki oleh individu-individu Muslim patuh kepada zakat kerana zakat berkaitan dengan pemilikan kekayaan. Dalam perspektif ini, terdapat dua jenis kekayaan yang patuh kepada zakat iaitu kekayaan tradisional dan kekayaan modern. Kekayaan tradisional merujuk kepada kekayaan yang telah disebut dalam sumber utama undang-undang Islam. Ini termasuk hasil pertanian, mineral dan kekayaan marin, emas, barang kemas dan kekayaan tunai, kekayaan perdagangan dan kekayaan ternakan. Sementara itu, kekayaan moden merujuk Berkman & Macintyre, (1997) adalah pendapatan yang diperoleh daripada aset yang dieksploitasi, pendapatan pekerjaan, kekayaan sekuriti kewangan & kekayaan institusi kewangan Islam. Pakar perundangan Islam mempertimbangkan zakat kekayaan moden patuh kepada zakat kerana perubahan amalan ekonomi saat ini memberi manfaat yang lebih besar kepada banyak orang dan untuk menegakkan keadilan (Aziz et al., 2013). Dimana, secara konvensional Falkingham & Namazie, (2002) berhujah bahawa status pendapatan diukur secara kewangan dengan penggunaan pendapatan atau penggunaan, berasaskan bahagian standar hidup material yang mencerminkan kesejahteraan keluarga yang seterusnya dinyatakan oleh Liu, Wahl, Seale, & Bai (2015) bahawa komposisi penambahan perbelanjaan adalah disebabkan oleh bertambahnya pendapatan. Saiz pendapatan ini adalah berasaskan pendapatan khusus yang diukur berasaskan tempoh masa yang spesifik seperti bulanan atau tahunan (Yadollahi & Paim, 2010). Dengan demikian tahap pendapatan ahli akademik berupa pendapatan gaji, elaun, insentif yang diberikan kerajaan adalah sangat menentukan.

Oleh itu, N. B. Abu Bakar & Abdul Rashid, (2010), menyatakan bahawa pendapatan pekerjaan adalah patuh kepada zakat. Bukti bahawa pendapatan pekerjaan dikenakan zakat dapat didapati daripada berbagai sumber peraturan Islam. Sebagai contoh, Al-Quran (Al Baqarah, 2:267) menyatakan: “Hai orang-orang yang beriman, beri yang baik-baik yang telah kamu peroleh dan daripada apa-apa yang kami keluarkan untuk kamu dari bumi”. Berdasarkan teks ini, ia dapat dinyatakan bahawa individu Muslim wajib membayar zakat pada segala-galanya yang dia usahakan, termasuk mereka yang mendapat pendapatan pekerjaan adalah patuh kepada zakat. Selain itu, berdasarkan Hadith Riwayat Bukhari, (Nomor :719 dan 749) dan Hadith Riwayat Muslim, (Nomor: 940 dan 941) bahawa Islam mewajibkan setiap Muslim untuk terlibat dalam sumber dan aktiviti dalam yang menghasilkan jumlah pendapatan tertentu dan memungkinkan Muslim melaksanakan kewajipan zakat mereka dalam memberi penyaluran zakat minimum dengan standart kecukupan dan keperluan hidup bagi pihak penerima dan tanggungan (N. B. Abu Bakar & Abdul Rashid, 2010), iaitu memenuhi keperluan asas hidup *Dharuriyyat* (*basic needs*) dan kesejahteraan hidup *Hajiyyat* (*comfort*) (Ahmad, 2001).

Seterusnya Al-Habshi & Shanmugam, (2005) memberi penjelasan bahawa zakat sebagai cara efektif membantu orang miskin dan orang yang memerlukan. Ia juga menyokong pernyataan bahawa peratusan zakat yang diterima oleh orang miskin selayaknya dapat

membantu meningkatkan standar hidup iaitu memenuhi *Dharuriyyat (basic needs)* dan keperluan *Hajiyyat (comfort)* mereka. Kedua-dua perkara inilah yang membentuk standar minimum kualiti hidup mereka. Oleh itu, tunai yang diterima harus memungkinkan mereka meningkatkan kehidupannya. Hal ini selari dengan pandangan imam Al Ghazali dan Al Syatibi yang mendefinisikan bahawa kehidupan yang baik bagi setiap manusia harus memenuhi dua hal iaitu keperluan *Dharuriyyat (basic needs)* dan keperluan *Hajiyyat (comfort)* (M. Abu Bakar & Abd Ghani, 2011). Hal ini juga menyokong konsep rezeki sebagai dasar sebuah nilai tambah atas aktiviti perniagaan yang diperolehi mengikut garis panduan agama bagi kebajikan manusia (masalahat) oleh Mulawarman, (2009) dan rezeki yang telah ditetapkan Allah SWT kepada seluruh mahluk dan sesuai konsep organisasi, re-konfigurasi pengelolaan zakat agar kembali berdasarkan sumber sah dalam Islam dan bukan meletakkan modifikasi akomodatif dari konsep etno-sentris Barat (Muhammad Syukri Salleh, 2014). Memerhatikan perbincangan beberapa kajian yang berkaitan, maka niat ahli akademik secara amnya banyak dipengaruhi oleh motivasi dalaman dan motivasi luaran (A.D. Mulawarman, I. Triuwono, (2007).

Lompang Kajian

Sebagaimana huraian, maka lompang kajian analisis kajian konseptual yang dilakukan adalah seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2 : Aspek Pembeza Kajian

Kategori	Aspek Pembeza	Kajian Terdahulu	Analisis yang dilakukan
Niat Pembayaran Zakat	Faktor Luaran	<ul style="list-style-type: none"> • Pendapatan Gaji meliputi Elaun setelah ditolak tanggungan • Dalam satu Universiti 	<ul style="list-style-type: none"> • Pendapatan Gaji Bersih dan Insentif khusus daripada kerajaan berkenaan <i>Shariah Value Added</i> iaitu bahawasanya semua jenis nilai tambah (iaitu ekonomi, mental, dan rohani nilai tambah) diperlukan, diproses, dan diedarkan dengan cara halal • Banyak Universiti • OPZ pada Universiti
	Faktor Dalaman	<ul style="list-style-type: none"> • Sikap, • Pengetahuan Zakat, • Kepatuhan pembayaran Zakat • Kesedaran • Pengelakan 	<ul style="list-style-type: none"> • Keinginan Menderma • Kepatuhan Teknikal • Kepatuhan Pentadbiran

2.2 Niat Membayar Zakat


Secara amnya aspek niat telah menjadi perbincangan para sarjana Barat dan menjadi rujukan dalam pengkajian tingkah laku terutamanya teori niat dalam tingkah laku yang dibina oleh (Icek Ajzen, 1991; Icek Ajzen & Fishbein, 1975) dan hampir semua agama di dunia mendorong tingkah laku pewakaf sebagai satu cara untuk membawa keadilan kepada masyarakat (Victor, 2011). Islam, sebagai agama kedua terbesar di dunia dengan hampir 230 juta orang atau 87.2 peratus daripada 262 juta orang adalah penduduk Indonesia (World Muslim Population, 2017) juga mendorong sumbangan sebagai langkah perbaikan dalam mengurangi kemiskinan Muslim (Abdul Ghafar Ismail, Mohd Ezani Mat Hasan, Norazman Ismail, 2010; Bremer, 2013; Hassan & Ashraf, 2010). Strategi dalam memerangi kemiskinan yang ditawarkan Islam adalah termasuk sumbangan wajib dan pilihan. Strategi wajib dan efektif untuk memerangi kemiskinan dalam Islam adalah zakat (Muliyaningsih, 2013) dan sebagai satu cara untuk mengurangi kemiskinan dan masalah sosial yang lain (Dogarawa, 2008). Hal itu dikerenakan zakat merupakan sedekah wajib dan dapat difikirkan sebagai cukai yang dibayar oleh umat Islam kepada masyarakat dan digunakan untuk membantu yang kurang bernasib baik dari segi ekonomi (Pistrui & Sreih, 2010). Sebagaimana hasil usaha pertanian, barang tambang, gaji, upah, honorarium hasil perolehan daripada pekerjaan dan usaha halal dimana dalam penyelidikan mengenai taraf kemampuan pensyarah dalam memenuhi keperluan *dharuriyyat* barang meningkat, taraf niat membayar zakat juga akan meningkat. Selanjutnya dalam penyelidikan ditemukan bahawa jika taraf kemampuan akademisi untuk memenuhi keperluan barang-barang *tahsiniyyat* meningkat, taraf niat untuk membayar zakat juga akan meningkat (Doktoralina & Bahari, 2017)

Penyelidikan sebelumnya memberi fokus bahawa pemboleh ubah demografi seperti jantina, umur, status perkawinan, pendidikan dan pendapatan tentang pemberian amal (Abdul Ghafar Ismail, Mohd Ezani Mat Hasan, Norazman Ismail, 2010; Aza Shahnaz Azman, Teh Suhaila Tajuddin, 2015; Nur Hafizah Ishak dan Selamah Maamor, 2013; Wahab & Borhan, 2014). Hal tersebut memberi kesan bahawa pemboleh ubah demografi atau status sosio-ekonomi terhadap niat untuk mengambil bagian dalam pemberian amal, bukan tingkah laku orang yang bersedekah. Sehingga niat dapat digunakan sebagai penentu proksi tingkah laku (Smith & McSweeney, 2007). Ia menduga bahawa niat pemberian amal dipengaruhi oleh pemboleh ubah demografi seperti umur, status berkahwin, kanak-kanak, pendapatan dan pendidikan. Penyelidikan mendapati bahawa pendapatan dengan signifikan mempengaruhi niat. Namun banyaknya definisi terbaru mengenai sikap dapat menguntungkan dan tidak menguntungkan individu sebagai objek psikologis (I. Ajzen & Fishbein, 2000) yang pada umumnya diyakini memberi tanggapan bahawa hubungan sebab akibat antara sikap, niat dan perilaku (Cheng & Huang, 2013; Shih & Fang, 2006; Zainol & Kamil, 2007). Beberapa penemuan penyelidikan menyatakan bahawa sikap signifikan terhadap niat pembayaran zakat pendapatan dan norma subjektif merupakan penentu langsung daripada niat perilaku (Icek Ajzen, 1991; Icek Ajzen & Fishbein, 1975) termasuk dalam lingkungan zakat (Sapingi, Ahmad, & Mohamad, 2011; Zainol, 2008). Seterusnya hal tersebut di sokong oleh Mohd Noor et al., (2004) yang meneliti kesedaran membayar zakat pendapatan dalam kalangan kaki tangan akademik UKM, Malaysia yang menunjukkan bahawa faktor demografi (jantina, taraf pendidikan, bilangan tanggungan) adalah faktor mempengaruhi kaki tangan akademik mengambil bahagian dalam zakat pendapatan.

3. PERBINCANGAN

Zakat merupakan salah satu rukun dari lima rukun Islam yang mewajibkan orang-orang tertentu untuk menyumbang sebahagian daripada harta mereka kepada yang memerlukan. Zakat juga telah menjadi satu sumber kewangan yang penting terutama di negara-negara penduduk Islam. Walaupun begitu, Indonesia, sebagai salah satu dari negara-negara dengan penduduk Islam yang tinggi, masih ketinggalan dari segi kutipan dan pengagihan wang zakat. Walaupun zakat yang diterima oleh negara ini meningkat setiap tahun, masih ramai orang kaya yang tidak mengambil bagian dalam sumbangan zakat. Sebaliknya, orang-orang yang turut menyumbang juga mengambil bahagian dalam pelbagai cara. Walaupun beberapa institusi amanah telah bersedia mengagihkan zakat mereka, banyak individu yang mengagihkan sendiri. Oleh itu faktor-faktor yang memberi kesan ke atas pembayaran zakat juga harus dikaji untuk menguatkan sistem zakat di Indonesia.

Di Indonesia, sejak disahkan Undang-Undang (UU) Nombor 14/2005 berkaitan Guru dan Pensyarah serta ditetapkannya Peraturan Pemerintah mengenai Pelaksanaan Undang-Undang Nombor. 23 tahun 2014 berkaitan pengelolaan zakat pada Universiti diketahui bahawa pembayaran zakat pendapatan adalah merupakan kewajipan agama (Teh Suhaila Tajuddin dan Aza Shahnaz, 2015). Seterusnya pensyarah dianggap sebagai orang yang berpengetahuan dan boleh menjadi penyebar informasi kepada masyarakat sebagai mewakili Pemerintah. Dalam perspektif ini, Hairunnizam Wahid dan Sanep Ahmad (2007) turut menyatakan orang yang tidak membayar zakat pendapatan dianggap mengingkari kewajipan agama mereka dan perkara ini turut dipengaruhi seperti faktor ketakwaan, sehingga melakukan segala upaya melalui niat. Oleh itu, dua perkara dilakukan dalam membentuk kerangka konseptual niat pembayaran zakat ahli akademik bersesuaian dengan ketentuan Islam dan mengenal pasti konsep am niat ahli akademik dalam membayar Zakat sebagaimana Rajah 1. Seterusnya, Rajah 1 memberi gambaran niat ahli akademik dalam pembayaran zakat pendapatan dalam Universiti dalam untuk memberi kemudahan kepada pihak kerajaan untuk bersama-sama mendedahkan potensi zakat yang sebenar kepada masyarakat.



Rajah 1: Kerangka konseptual

Data yang telah diperolehi, akan dilakukan bagi menganggarkan Niat Membayar zakat Pendapatan. Data sekunder akan memaklumkan tahap pendapatan dan kelas pendapatan. Analisis empirikal data utama dalam kajian ini akan dilakukan melalui statistik deskriptif dan statistik inferens.

4. KESIMPULAN

Zakat merupakan salah satu sumber mengurangi kemiskinan. Jika niat *muzakki* dalam membayar zakat mengikut kepada motivasi luaran dan motivasi dalaman, maka ceramah dan matlamat mengenai pentingnya Niat Pembayaran Zakat harus terus dibina dan faktor niat yang mempengaruhi *muzakki* perlu ditingkatkan secara berterusan dengan memberikan pengajaran mengenai erti pentingnya zakat dalam Universiti. Bagi kes Indonesia, bilangan penyelidikan yang berkaitan dengan niat pembayaran zakat masih terbatas. Dapatan kajian ini diharapkan dapat digunakan untuk menganggarkan tahapan niat pembayaran zakat pendapatan dengan mengeksplorasi faktor penentu daripada niat pembayaran zakat pendapatan di IPTS Jakarta, Indonesia. Data primer diperoleh melalui kajian IPTS di Jakarta, manakala data sekunder diperoleh dari pelbagai sumber. Analisis empirikal dilakukan melalui analisis deskriptif dan multivariat.

RUJUKAN

- A.D. Mulawarman, I. Triyuwono, U. L. (2007). Rekonstruksi Teknologi Integralistik Akuntansi Syari'ah: Sharfate Value Added Statement. *Jurnal Akuntansi Dan Keuangan Indonesia*, 4(1), 1–24.
- Abdul Ghafar Ismail, Mohd Ezani Mat Hasan, Norazman Ismail, S. S. (2010). Organized by. In *Tauhid Epistemology In Increasing The Number Of Zakat-Of-Wealth Payers And Its Contribution Toward The Development Of Malaysia Economy* (pp. 54–63).
- Abu Bakar, M., & Abd Ghani, A. (2011). Towards Achieving the Quality of Life in the Management of Zakat Distribution to the Rightful Recipients (The Poor and Needy). *International Journal of Business and Social Science*, 2(4), 237–246.
- Abu Bakar, N. B., & Abdul Rashid, H. M. (2010). Motivations of Paying Zakat on Income : Evidence from Malaysia. *International Journal of Economics and Finance*, 2(3), 76–85.
- Ahmad, M. P. S. (2001). Kaedah Pengagihan Dana Zakat: Satu Perspektif Islam. *Dalam Nik Mustapha Nik Hassan (Penyt), Kaedah Pengagihan Dana Zakat*.
- Ajzen, I. (1991). The theory of planned behavior. *Orgnizational Behavior and Human Decision Processes*, 50, 179–211. Ajzen, I., & Fishbein, M. (1975). Belief, attitude, intention and behavior: An introduction to theory and research. Reading, MA: Addison-Wesley.
- Ajzen, I., & Fishbein, M. (2000). European Review of Social Psychology Attitudes and the

- Attitude- Behavior Relation : Reasoned and Automatic Processes. *European Review*, 1(November 2011), 1–33.
- AlHabshi, S. M., & Shanmugam, B. (2005). Zakat recognition and measurement of business wealth: an analysis of the growth condition. *Shanmugam, B. et Al.*
- Aza Shahnaz Azman, Teh Suhaila Tajuddin, N. S. (2015). Hubungan faktor demografi terhadap gelagat kepatuhan zakat penggajian di kalangan belia muslim di lembah klang, selangor. In *Global Conference on Economics and Management Science 2015 (GEMS 2015)* (Vol. 2015, pp. 40–49). Bayview Beach Resort Penang Hotel, Malaysia: <http://worldconferences.net/home/>.
- Aziz, A. A., Jamil, M. M., Ismail, H., & Abdul Rahman, N. (2013). The Importance of Zakat Institution in Malaysia. *The 5th International Conference on Financial Criminology (ICFC) 2013*, 134–144.
- Badan Amil Zakat Nasional. (2017). Outlook Zakat. Jakarta, Indonesia: Pusat Kajian Strategis Badan Amil Zakat Nasional (BAZNAS).
- Beik, I. S. (2015). Towards International Standardization of Zakat System. In *Fiqh Zakat International Conference 2015* (pp. 3–17).
- Bidin, Z., Idris, K. M., Shamsudin, Mohd, & Faridahwati. (2009). Predicting Compliance Intention on Zakah on Employment Income in Malaysia : An Application of Reasoned Action Theory. *Ention on Zakah on*, 28, 85–102.
- Bremer, J. (2013). Zakat and Economic Justice : Emerging International Models and their Relevance for Egypt. In *Third Annual Conference on Arab Philanthropy and Civic Engagement* (pp. 51–74).
- Cheng, H.-H., & Huang, S.-W. (2013). Exploring antecedents and consequence of online group-buying intention: An extended perspective on theory of planned behavior. *International Journal of Information Management*, 33(1), 185–198.
- Dogarawa, B. A. (2008). Islamic social welfare and the role of Zakah in the family system. *Islamic Law and Muslim Minorities in Ghana*, (23192), 1–25.
- Doktoralina, C. M. (2016a). Potential Income Zakat Revenue In Private Universities: Conceptual Framework Analysis. In *WAPI 9* (Vol. 11, p. 10).
- Doktoralina, C. M. (2016b). Relationship Between Extrinsic Motivation And Compliance To Pay Income Zakat Among Academic People In Indonesia: Conceptual Framework Analysis. In *Workshop Antarbangsa Pembangunan Berteraskan Islam* (Vol. 9, pp. 10–16).
- Doktoralina, C. M., & Bahari, Z. (2017). The Relationship between Income Household and Intention to Pay Zakat on Income among Indonesian Academicians. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 8(4), 27–39.
- Fahme, A., Ali, M., Ridhwan, M., & Aziz, A. (2014). Zakat Poverty Line Index and Gender Poverty in Malaysia : Some Issues and Practices. *International Journal of Business and Social Science*, 5(10), 2014.
- Falkingham, J., & Namazie, C. Measuring health and poverty: a review of approaches to identifying the poor, 44Health Systems Resource Centre 70 (2002). London: DFID Health Systems Resource Centre 27 Old Street London EC 9HL.
- Firdaus, M., Beik, I. S., Irawan, T., & Juanda, B. (2012). *Economic estimation and determinations of Zakat potential in Indonesia. IRTI Working Paper Series* (Vol. WP 1433-07).
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad, M. A. M. N. (2007). Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan di Malaysia. *Islamiyyat*.

- Hassan, M. K., & Ashraf, A. (2010). An integrated poverty alleviation model combining Zakat. *Awqaf and Micro*.
- Hussain, A., & Abdullah. (2015). Importance of ZAKAT in the Establishment of the Society. *Global Journal for Research Analysis*, 4(4), 1–2.
- Kahf, M. (2008). Role of Zakah and Awqaf in Reducing Poverty: A Proposed Institutional Setting within the Spirit of Shari'ah. *Thoughts on Economics*, 18(3), 40–67.
- Kamil Md. Idris. (2006). Kesan Persepsi Undang-Undang dan Penguatkuasaan Zakat terhadap Gelagat Kepatuhan Zakat Pendapatan Gaji. *Journal of Ethics, Legal and Governance*, 2, 32–41.
- Khamis, M. R., Rohani, M., Salleh, A. M., & Naw, A. S. (2014). Do religious practices influence compliance behaviour of business Zakat among SMEs ? *Journal of Emerging Economies and Islamic Research*, 2(2), 1–16. Retrieved from
- Lessy, Z. (2009). Zakat (Alms-Giving) Management In Indonesia : Whose Job Should It Be ? *La_Riba Jurnal Ekonomi Islam*, III(1), 106–119.
- Liu, H., Wahl, T. I., Seale, J. L., & Bai, J. (2015). Household composition, income, and food-away-from-home expenditure in urban China. *Food Policy*, 51, 97–103.
- Mohd Noor, M. A., Wahid, H., & Nor Ghani Md., N. (2004). Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan Di Kalangan Kakitangan Profesional Universiti Kebangsaan Malaysia. *Islamiyyat*, 26(2), 59–67.
- Muhammad Syukri Salleh. (2014). Organizational and Definitional Reconfiguration of Zakat Management. *International Journal of Education Research*, 2(5), 61–70.
- Mulawarman, A. D. (2009). Eksistensi Laporan Nilai Tambah Syariah Berbasis Rezeki. *Jurnal Riset Akuntansi Indonesia*, 12(2), 103–120.
- Muliyarningsih, H. D. (2013). Social Entrepreneurship in Islamic Social Welfare System. In *International Proceedings of Economics Development and Research* (pp. 44–49).
- Nur Hafizah Ishak dan Selamah Maamor. (2013). Kajian Kecekapan Kutipan Zakat di Wilayah Persekutuan. *Prosiding PERKEM VIII*, 1, 414–425.
- Peraturan Pemerintah Republik Indonesia Nomor 14. Peraturan Pemerintah Republik Indonesia, 1Pelaksanaan Undang-Undang Nomor 23 Tahun 2011 tentang Pengelolaan Zakat 1–52 (2014). Negara Republik Indonesia.
- Pistrui, D., & Sreih, J. F. (2010). Islam, entrepreneurship and business values in the Middle East. *International Journal of Entrepreneurship and Innovation Management*, 12(1), 107.
- Ram Al Jaffri Saad. (2007). Gelagat Kepatuhan Zakat Perniagaan. Universiti Utara Malaysia.
- Sanep Ahmad, & Hairunnizam Wahid. (2005). Sumberzakat: perluasanterhadapharta yang, 13(1), 135–162.
- Sapingi, R., Ahmad, N., & Mohamad, M. (2011). A study on zakah of employment income: Factors that influence academics' intention to pay zakah. In *2nd International Conference On Business and Economic Research* (pp. 2492–2507).
- Sari, M. D., Bahari, Z., & Hamat, Z. (2013). Review on Indonesian Zakah Management and Obstacles. *Social Sciences*, 2(2), 76–89.
- Shih, Y.-Y., & Fang, K. (2006). Effects of Network Quality Attributes on Customer Adoption Intentions of Internet Banking. *Total Quality Management & Business Excellence*, 17(1), 61–77.
- Siswantoro, D., & Nurhayati, S. (2012). Factors Affecting Concern about Zakat as a Tax Deduction in Indonesia. *Int. J. Manag. Bus. Res*, 2(4), 293–312.

- Smith, J. R., & McSweeney, A. (2007). Charitable Giving: The Effectiveness of a Revised Theory of Planned Behaviour Model in Predicting Donating Intentions and Behaviour. *Journal of Community & Applied Social Psychology, 17*(5), 363–386.
- Teh Suhaila Tajuddin, Aza Shahnaz, N. S. (2015). Compliance Behaviour Of Zakat on Salary Income Among Muslim, *2015*(June), 656–664.
- Victor, D. (2011). Begging and almsgiving in Nigeria: The Islamic perspective. *International Journal of Sociology, 3*(April), 127–131.
- Wahab, A. A., & Borhan, J. T. (2014). Determinant Factors for Zakah Payment by Business Entities in Malaysia: A Theoretical Review. *Shariah Journal, 22*(3), 267–294.
- Wahid, H., Noor, M. A. M., & Ahmad, S. (2005). Kesedaran Membayar Zakat: Apakah Faktor Penentunya? *International Journal Management Studies, 12*(2), 171–189.
- Yadollahi, M., & Paim, L. H. (2010). Measurement of Family Economic Status. *Journal of American Science, 6*(11), 756–760.
- Zainol, B. (2008). Faktor-Faktor Penentu Niat Gelagat Kepatuhan Zakat Pendapatan Gaji. Malaysia: Universiti Utara Malaysia.
- Zainol, B., & Kamil, M. I. (2007). A confirmatory analysis of zakah compliance behavioural intention on employment income. *Malaysian Management Journal, 11*(1&2), 103–114.